

SKEMA JAWAPAN KERTAS 3 NEGERI MELAKA 2019

Soalan	Butiran	Markah
1	<p>Jelaskan latar belakang cadangan pembantukan Malaysia</p> <p>F1 Cadangan pertama dikemukakan oleh Lord Brassey pada tahun 1887</p> <p>F2 Beliau mencadangkan kerajaan British menggabungkan Sarawak dan Sabah dengan Negeri-Negeri Melayu</p> <p>F3 Pada tahun 1948 Malcolm MacDonald mencadangkan Sarawak, Sabah, Brunei dan Persekutuan Tanah Melayu digabungkan</p> <p>F4 Pada tahun 1956 Dato' Onn Jaafar mencadangkan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka dinamai Malaysia menggabungkan Sarawak, Sabah, Brunei dan Singapura dengan Persekutuan Tanah Melayu</p> <p>F5 Pada tahun 1959, Lee Kuan Yew mendesak British berunding dengan Tunku Abdul Rahman untuk menggabungkan Persekutuan Tanah Melayu dengan Singapura.</p> <p>F6 Cadangan ini ditolak oleh Tunku Abdul Rahman kerana akan berlaku ketidakseimbangan penduduk</p> <p>F7 27 Mei 1961 Tunku Abdul Rahman menyetujui pembentukan gagasan Malaysia dalam majlis makan malam di Hotel Adelphi, Singapura.</p> <p>F8 Pembentukan ini dapat menjamin kedudukan politik yang lebih kukuh/kerjasama dalam bidang ekonomi dan sosial</p> <p style="text-align: right;">Max 5 markah</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p>
2	<p>Huraikan faktor-faktor pembentukan Persekutuan Malaysia</p> <p>F1 Barisan Sosialis</p> <p>H1a Lee Kuan Yew berminat bergabung dengan Malaysia</p> <p>H1b Bimbang pengaruh Barisan Sosialis</p> <p>H1c Yang memenangi pilihanraya Hong Lim di Singapura (1961)</p> <p>H1d Akan melemahkan Parti Tindakan Rakyat atau People's Action Party (PAP)</p> <p>H1e Barisan Sosialis dianggap gerakan berhaluan kiri</p> <p>H1f Menggugat rancangan British memerdekakan Singapura</p> <p>F2 Ancaman Komunis</p> <p>H2a Alasan Lee Kuan Yew mendesak British menggabungkan Singapura dengan Persekutuan Tanah Melayu</p> <p>H2b Persekutuan Tanah Melayu berpengalaman membanteras pengaruh Parti Komunis Malaya (PKM) semasa darurat (1948 – 1960)</p> <p>H2c Clandestine Communist Organisation (CCO) bermatlamat menjadikan Sarawak sebagai negara komunis</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p>

SKEMA JAWAPAN KERTAS 3 NEGERI MELAKA 2019

Soalan	Butiran	Markah
	H2d Mendorong Tunku Abdul Rahman membentuk Malaysia	1
	H2e Menjadi benteng menghadapi komunis	1
	F3 Mempercepat kemerdekaan	1
	H3a Bagi Sarawak, Sabah, Singapura, dan Brunei	1
	H3b Menjamin kemerdekaan lebih awal	1
	H3c Dalam tempoh dua tahun	1
	H3d di samping itu mereka akan dapat menikmati pembangunan sosial, ekonomi dan politik	1
	F4 Proses dekolonisasi British	1
	H4a Terhadap negeri-negeri kecil yang belum membangun	1
	H4b Hampir semua negeri di Asia Tenggara telah merdeka	1
	H4c Usul Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)	1
	H4d Agar tanah jajahan dimerdekakan	1
	H4e dapat memberikan kestabilan politik kepada rantau Asia Tenggara	1
	F5 Menstabilkan politik Asia Tenggara	1
	H5a Menghalang penyebaran pengaruh komunis	
	H5b memastikan kepentingan British terkawal	1
	H5c Terutama pangkalannya di Singapura.	
	F6 Faktor Ekonomi	1
	H6a Mewujudkan pasaran yang luas	1
	H6b Menggalakkan pelaburan	1
	H6c Menggalakkan perkembangan industri pertanian	1
	H6d Memanfaatkan keistimewaan	
	H6e Memanfaatkan sumber-sumber yang ada	1
	H6f Tanah Melayu kaya dengan bahan mentah seperti getah dan bijih timah	1
	H6g Sarawak dan Sabah kaya dengan balak	1
	H6h Brunei kaya dengan minyak	1
	H6i Menikmati pembangunan sosioekonomi dan politik	1
	F7 Faktor sosial	
	H7a Mengimbangi jumlah dan kadar	1
	H7b Kemasukan Sarawak, Sabah dan Brunei dapat mengimbangi penduduk Melayu dan bukan Melayu	1
	H7c Memajukan anggota yang belum membangun seperti Sarawak dan Sabah	1

SKEMA JAWAPAN KERTAS 3 NEGERI MELAKA 2019

Soalan	Butiran	Markah
	H7d Mewujudkan kesepakatan H7e Mewujudkan semangat setia kawan. <p style="text-align: right;">30x1 = maksimum 15 markah</p>	
3	Reaksi terhadap pembentukan Malaysia Reaksi Dalam Negeri	
F1	Usaha murni untuk membantu dan memimpin negeri-negeri anggota	1
F2	Pengalaman Persekutuan Tanah Melayu sebagai negara yang telah merdeka dan menjadi aset yang boleh digunakan untuk memajukan Malaysia yang akan ditubuhkan	1
F3	Kebanyakan parti politik di Persekutuan Tanah Melayu menyokong idea ini tetapi terdapat perbezaan pendapat tentang cara perlaksanaannya	1
F4	Parti Islam Se-Tanah Melayu (Pas), Barisan Sosialis meminta supaya idea ini dirundingkan terlebih dahulu dalam kalangan penduduk Persekutuan Tanah Melayu	1
F5	UMNO pula menyetujui penggabungan Persekutuan Tanah Melayu dengan Sarawak, Sabah, dan Brunei tanpa Singapura.	1
	Singapura	
F6	Sejak tahun 1950-an lagi, Singapura berhasrat bergabung dengan Persekutuan tanah Melayu.	1
F7	Lee Kuan Yew dan partinya, PAP menyokong usaha ini kerana bimbang dengan pengaruh parti berhaluan kiri yang kuat.	1
F8	Lee Kuan Yew ingin mempertahankan kedudukannya sendiri.	1
F9	Menjelang bulan Disember 1961, Majlis Undangan Negeri Singapura meluluskan usul penggabungan ini.	1
F10	Parti pembangkang Singapura yang terbesar, Barisan Sosialis menentang idea pembentukan Malaysia kerana beranggapan gabungan tersebut merupakan satu bentuk penjajahan baru.	1
F11	Barisan Sosialis menuntut supaya pandangan rakyat Singapura diperoleh terlebih dahulu sebelum Singapura menyertai gabungan ini.	1
F12	Parti Buruh pimpinan David Marshall menyokong pandangan Barisan Sosialis.	1
F13	Parti Rakyat Bersatu/United People's Party pimpinan Ong Eng Guan turut menyokong pandangan barisan Barisan Sosialis.	1
F14	Parti Rakyat Bersatu menggesa kerajaan Singapura mendapatkan pandangan rakyat.	1

SKEMA JAWAPAN KERTAS 3 NEGERI MELAKA 2019

Soalan	Butiran	Markah
F15	Pada 1 September 1962,satu referendum berhubung dengan persoalan dan syarat penggabungan telah diadakan di Singapura.	1
F16	Dalam referendum ini,pengundi-pengundi Singapura memilih penggabungan diadakan mengikut cadangan kerajaan Singapura seperti yang dipersetujui dengan Persekutuan Tanah Melayu pada bulan November 1961.	1
	Sarawak dan Sabah	
F17	Reaksi segera di Sarawak dan Sabah selepas cadangan pembentukan Malaysia diumumkan adalah ke arah menolak cadangan ini.	1
F18	Sebabnya kedua-dua negeri ini telah lama berada di bawah pemerintahan British,iaitu Sabah selama 61 tahun dan Sarawak lebih daripada satu abad.	1
F19	Ramai yang ingin kekal di bawah pemerintahan British kerana mereka belum ada keyakinan untuk membentuk pemerintahan sendiri.	
F20	Sebelum ini,peluang mereka terlibat dalam politik adalah terhad.	
	Sarawak	
F21	Kesemua parti politik di Sarawak akhirnya menyokong Sarawak menyertai Malaysia walaupun pada peringkat awalnya mereka menentang kerana mereka inginkan kemerdekaan Sarawak dicapai terlebih dahulu.	
F22	Hanya SUPP yang terus menentang pembentukan Malaysia.	
F23	Pada bulan Oktober 1962,lima buah parti,iaitu PANAS,SNAP,BERJASA,SCA,dan PESAKA telah bergabung membentuk Parti Perikatan Sarawak.	
F24	Parti Perikatan Sarawak telah berjuang ke arah menyokong Sarawak menyertai Malaysia dan berusaha menyekat pengaruh SUPP.	
F25	Sabah	
F26	Di Sabah,masih belum terdapat parti-parti politik,namun pengumuman tentang gagasan Malaysia oleh Tunku Abdul Rahman telah melahirkan beberapa buah parti politik di Sabah.	
F27	Parti-parti politik ini bertujuan mengemukakan pandangan dan mendapatkan sokongan tentang gagasan Malaysia	
F28	Pada bulan September 1961,kelima-lima parti politik,iaitu UNKO,USNO,Parti Pasok Momogun,Parti Bersatu dan Parti Demokratik bergabung membentuk Parti Perikatan Sabah.	
F29	Kesemua parti di Sabah menyokong penyertaan Sabah dalam Malaysia.	
F30	Parti Perikatan telah mengemukakan tuntutan yang mempunyai 20 syarat yang dikenal sebagai Perkara 20.	
F31	Tuntutan ini kemudiannya turut diterima oleh Sarawak.	

SKEMA JAWAPAN KERTAS 3 NEGERI MELAKA 2019

Soalan	Butiran	Markah
F32	Perkara 20 menyenaraikan tuntutan Sarawak dan Sabah yang hendak dimasukkan ke dalam Perlembagaan Malaysia yang baru oleh Jawatankuasa Antara Kerajaan (JAK).	
F33	Laporan JAK telah memuatkan tuntutan tersebut yang kemudiannya menjadi asas kepada pembentukan perlembagaan Malaysia yang baru.	
F34	Tuntutan tersebut dapat melindungi hak dan kepentingan penduduk Sabah dan Sarawak.	
F35	Sabah dan Sarawak diberikan hak wilayah asing yang menyentuh perkara seperti ketua negeri/Bahasa Kebangsaan/Agama Islam/kedudukan istimewa penduduk asal negeri dan hal ehwal imigresen/kerakyatan/peruntukan kewangan/pelajaran.	
F36	Menjelang akhir tahun 1961, ramai pemimpin dan rakyat Sarawak dan Sabah mulai menyokong pembentukan Malaysia.	
F37	Perubahan sikap ini didorong oleh usaha kerajaan British dan Persekutuan Tanah Melayu menjelaskan tentang gagasan Malaysia dan mempertimbangkan pandangan penduduk Sarawak dan Sabah.	
F38	Semangat perpaduan dan sikap toleransi yang diperlihatkan oleh para pemimpin Tanah Melayu seperti Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak, Tun V.T Sambanthan dan Tun Tan Siew Sin telah membantu kepada perubahan sikap ini.	
F37	Usaha ini turut mendapat kerjasama daripada pemimpin-pemimpin Sarawak dan Sabah seperti Datu Mustapha datu Harun, Temenggung Jugah, Donald Stephen, Ong Kee Hui, dan Stephen Kalong Ningkan.	
	Brunei	
F40	Sultan Brunei, Sultan Omar Ali Saifuddin menyokong gagasan Malaysia pada peringkat awalnya.	
F41	Sultan Brunei telah membentuk sebuah suruhanjaya untuk meninjau pendapat rakyat Brunei.	
F42	Parti Rakyat Brunei (PRB) pimpinan A.M Azahari menentang gagasan Malaysia kerana PRB ingin menubuhkan Persekutuan Borneo, iaitu kerajaan Kalimantan Utara yang terdiri daripada Sarawak, Sabah dan Brunei.	
F43	Anggota PRB menganggap gagasan Malaysia sebagai satu bentuk neokolonialisme.	
F44	A.M Azahari telah melancarkan pemberontakan di bawah pasukan Tentera Nasional Kalimantan Utara (TNKU) yang ditubuhkan di beberapa buah bandar di Sarawak, Sabah dan Brunei.	
F45	Pemberontakan ini dilancarkan apabila Majlis Mesyuarat Undangan Negeri Brunei	

SKEMA JAWAPAN KERTAS 3 NEGERI MELAKA 2019

Soalan	Butiran	Markah
	diadakan.Sultan Brunei terpaksa menangguhkan keputusan tentang gagasan Malaysia.	
F46	A.M Azahari dan pendokongnya mendapat bantuan dan sokongan daripada Indonesia dan Filipina.	
F47	Pemberontakan Brunei yang berlaku pada 7 Disember 1962 dapat dipatahkan oleh tentera British tetapi A.M Azahari yang berada di Manila tidak dapat ditangkap.	
F48	A.M Azahari kemudiannya mendapat perlindungan politik di Indonesia.	
	[mana-mana 10 X 1]	10 markah
	b) Reaksi Luar Negara	
	Indonesia	
F49	Indonesia membantah pembentukan Malaysia walaupun pada peringkat awalnya Indonesia tidak menunjukkan sebarang reaksi terhadap pembentukan Malaysia.	
F50	Penentangan Indonesia hanya berlaku pada akhir tahun 1962 kerana Indonesia berpendapat bahawa pembentukan Malaysia merupakan satu bentuk neokolonialisme yang akan mengancam Indonesia.	
F51	Pandangan yang disuarakan oleh Parti Komunis Indonesia (PKI) telah mempengaruhi Presiden Soekarno untuk mengisytiharkan Dasar Konfrontasi.	
F52	Pada 20 Januari 1963,Indonesia melancarkan Dasar Konfrontasi dari segi ekonomi dan kemasyarakatan terhadap Malaysia dengan konsep Ganyang Malaysia.	
F53	Ganyang Malaysia merupakan dasar Indonesia untuk memusnahkan pembentukan Malaysia.	
F54	Antara tindakan Indonesia melalui Ganyang Malaysia ialah menghantar pengintip untuk memusnahkan gagasan Malaysia dari dalam secara sulit.	
F55	Pada peringkat permulaan,Indonesia melakukan serangan terhadap kapal-kapal nelayan Tanah Melayu dan melakukan pencerobohan udara.	
F56	Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu tidak mengambil sebarang tindakan pada peringkat ini tetapi apabila tentera Indonesia mula melancarkan serangan terhadap Malaysia melalui Johor,Sarawak dan Sabah,Malaysia bertindak balas dengan bantuan tentera Komanwel dari Britain,Australia,New Zealand dan Kanada.	
F57	Malaysia mempunyai perjanjian pertahanan dengan Britain.	
F58	Tunku Abdul Rahman mengambil tindakan menghantar bantahan rasmi kepada Setiausaha Agung Bangsa-Bangsa Bersatu berhubung dengan pencerobohan Indonesia terhadap Tanah Melayu,Sarawak dan Sabah.	
F59	Ancaman Indonesia untuk menekan Tanah Melayu dari segi ekonomi tidak berlaku	

SKEMA JAWAPAN KERTAS 3 NEGERI MELAKA 2019

Soalan	Butiran	Markah
	tetapi sebaliknya tindakan ini telah menjejaskan Indonesia sendiri.	
F60	Malaysia juga terpaksa mengambil langkah memelihara kedaulatan negara dan rakyatnya apabila Indonesia bertindak memburukkan nama Malaysia di negara Afro-Asian dan negara Dunia Ketiga.	
F61	Perwakilan Malaysia yang diketuai oleh Tun Abdul Razak mengadakan lawatan ke beberapa buah negara Afrika untuk menjelaskan masalah hubungan diplomatik antara Indonesia dengan Malaysia.	
F62	Hubungan tegang antara Indonesia-Malaysia berterusan hingga bulan September 1965 apabila berlaku pemberontakan bersejanta di Indonesia.	
F63	Presiden Jeneral Soeharto telah menggulingkan Presiden Soekarno dalam pemberontakan tersebut.	
F64	Presiden Soeharto telah menghantar Menteri Luar Indonesia, Adam Malik bagi memulihkan hubungan diplomatik Indonesia-Malaysia.	
F65	Perundingan telah diadakan di Bangkok pada tahun 1966 dan Malaysia diwakili oleh Tun Abdul Razak Hussein.	
F66	Menjelang bulan Ogos 1966, konfrontasi Indonesia terhadap Malaysia ditamatkan.	
F67	Filipina	
F68	Pada tahun Jun 1962, kerajaan Filipina di bawah pimpinan Presiden Macapagal membuat pengumuman rasmi untuk menuntut hak terhadap Sabah.	
F69	Kerajaan Filipina mendakwa bahawa Sabah masih merupakan sebahagian daripada milik Kesultanan Sulu.	
F70	Tuntutan Filipina dibuat berdasarkan perjanjian yang ditandatangani pada 22 Januari 1878 antara Sultan Jamalul Alam dengan Baron Overbeck.	
F71	Baron Overbeck kemudiannya telah menjualkan haknya kepada Alfred Dent yang menubuhkan syarikat perdagangan yang berjaya memperoleh Piagam Diraja daripada British.	
F72	Pada tahun 1881, syarikat ini dikenal sebagai Syarikat British Utara Borneo (SBUB)	
F73	Syarikat ini memerintah Sabah sehingga kedatangan Jepun dan pada tahun 1946, SBUB menyerahkan pemerintahan Sabah kepada British.	
F74	Pada 22 Januari 1958, waris Sultan Sulu yang terakhir iaitu Sultan esmail Kiram telah mengisytiharkan bahawa pajakan ini tamat.	
F75	Walau bagaimanapun, menjelang bulan Jun 1966, Filipina mengiktiraf penubuhan Malaysia untuk membaiki hubungan antara Malaysia-Filipina melalui MAPHILINDO (Malaysia, Filipina, dan Indonesia)	

SKEMA JAWAPAN KERTAS 3 NEGERI MELAKA 2019

Soalan	Butiran	Markah
	[mana-mana 10 X 1]	10 markah
4	Terangkan langkah-langkah Pembentukan Malaysia	
	F1 Cadangan gagasan Malaysia dalam ucapan Tunku Abdul Rahman di Singapura pada Mei 1961	1
	H1a Tunku mengadakan lawatan ke Sarawak, Sabah dan Brunei memberi penerangan tentang konsep, tujuan dan matlamat penubuhan Malaysia	1
	H1b	1
	H1c Rundingan antara pegawai Persekutuan Tanah Melayu dengan pegawai British dari Sarawak, Sabah dan Singapura	1
	H1d Hasilnya penubuhan Jawatankuasa Perunding Perpaduan Kaum (JPPK)	1
	F2 Jawatankuasa Perunding Perpaduan Kaum (JPPK) Julai 1961	1
	H2a Ditubuhkan di Singapura	1
	H2b Dipengerusikan oleh Donald Stephens	1
	H2c Berperanan untuk menerangkan kepada orang ramai tentang gagasan Malaysia	1
	H2d Mengumpulkan pandangan penduduk	1
	H2e Menggalakkan kegiatan ke arah penubuhan Malaysia	1
	H2f Bermesyuarat sebanyak empat kali, iaitu di Jesselton, Kuching, Kuala Lumpur dan Singapura.	1
	H2g Brunei menghantar pemerhati	1
	H2h Mengemukakan memorandum kepada Suruhanjaya Cobbold	1
	H2i Mengandungi pandangan Sarawak dan Sabah untuk dimasukkan kedalam perlembagaan baharu.	1
	F3 Suruhanjaya Cobbold (1962)	1
	H3a Dipengerusikan oleh Lord Cobbold dan dibantu oleh Sir Anthony Abell serta Sir David Watherston	1
	H3b Anggota rakyat tempatan ialah Dato' Wong Pow Nee dan Tan Sri Ghazali Shafie	1
	H3c Bertujuan untuk meninjau pendapat rakyat Sarawak dan Sabah tentang gagasan Malaysia	1
	H3d Membuat penilaian dan mengemukakan cadangan kepada British	1
	H3e Meninjau pendapat 4000 orang penduduk	1
	H3f Menerima memorandum daripada pelbagai perubahan	1
	H3g Laporan Suruhanjaya Cobbold	1

SKEMA JAWAPAN KERTAS 3 NEGERI MELAKA 2019

Soalan	Butiran	Markah
	C3a Satu per tiga menyokong gagasan Malaysia tanpa syarat	1
	C3b Satu per tiga menyokong dengan syarat, iaitu kepentingan mereka dilindungi	1
	C3c Satu per tiga inginkan kemerdekaan sebelum menyertai Malaysia	1
	H3h Cadangan Suruhanjaya Cobbold	1
	C3a Perlembagaan Malaysia yang baharu berasaskan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957	1
	C3b Sarawak dan Sabah diberikan kuasa menentukan dasar imigresennya	1
	C3c Jaminan hak dan kedudukan bumiputera Sarawak dan Sabah	1
	C3d Nama Malaysia diberikan kepada negara yang baru dibentuk	1
	C3e Penentuan Tarikh penubuhan Malaysia	1
	C3f Bahasa Melayu dijadikan bahasa kebangsaan	1
	F4 Jawatankuasa Antara Kerajaan (JAK)	1
	H4a Dianggotai oleh Persekutuan Tanah Melayu, Britain, Sarawak dan Sabah	1
	H4b Dipengerusikan oleh Lord Landsdown(Menteri negara bagi Tanah Jajahan) dan dibantu oleh Timbalan Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, iaitu tun Abdul Razak	1
	H4c Bermesyurat sebanyak 24 kali.	1
	H4d Bagi mewajarkan kemasukan Sarawak dan Sabah ke dalam gagasan Malaysia	1
	H4e Membincangkan hak dan kepentingan penduduk Sarawak dan Sabah	1
	H4f Bersetuju membentuk Malaysia pada 31 Ogos 1963	1
	F5 Penubuhan Suruhanjaya PBB	1
	H5a United Nation Malaysia Mission (UNMM) telah dibentuk oleh Setiausaha Agung PBB, U Thani	1
	H5b PBB menghantar Lawrence Michaelmore dari Amerika Syarikat bersama tujuh orang wakil dari Czechoslovakia, Argentina, Brazil, Ceylon, Pakistan, Jepun, dan Republik Arab Bersatu.	1
	H5c Bagi meninjau sekali lagi pendapat rakyat Sarawak dan Sabah	1
	H5d Mendapati majority rakyat Sarawak dan Sabah bersetuju	1
	Mana-mana 1 x 15 = Max 15 M	1

SKEMA JAWAPAN KERTAS 3 NEGERI MELAKA 2019

Soalan	Butiran	Markah
5	<p>Jelaskan kepentingan/manafat/faedahpembentukan Malaysia. Kepentingan dilihat dari sudut politik, ekonomi dan sosial</p> <p>Politik:</p> <p>F1 – Pembentukan Malaysia telah member impak yang besar terhadap usaha membentaras ancaman dan pengaruh komunis di negeri-negeri di dalam Malaysia serta di rantau Asia Tenggara.</p> <p>F2 – Pengaruh dan ideology komunis telah mula bertapak di Singapura, Sarawak, Sabah dan Brunei. Semenanjung Tanah Melayu mempunyai pengalaman dalam usaha membentaras pengaruh komunis semasa zaman Darurat.</p> <p>F3 – Pengalaman ini dapat dikongsi bersama ke negeri-negeri lain terutama di Borneo.</p> <p>F4 - Hasilnya pada masa kini Malaysia kekal sebagai sebuah Negara demokrasi dan bebas daripada ancaman komunis.</p> <p>F5 – Pembentukan Malaysia juga member faedah yang sanga tbesar kepada negeri-negeri seperti Singapura, Sarawak dan Sabah iaitu mempercepatkan kemerdekaan.</p> <p>F6 - Persekutuan Tanah Melayu telah mencapai kemerdekaan pada tahun 1957 sementara Singapura, Sarawak dan Sabah masih lagi menjadi negeri jajahan British.</p> <p>F7 - Pembentukan Malaysia telah mempercepatkan kemerdekaan wilayah-wilayah tersebut apabila digabungkan menjadi wilayah dalam Malaysia. Kemerdekaan wilayah tersebut membolehkan mereka menikmati pembangunan sosial, ekonomi dan politik.</p> <p>F8 – Faedah lain ialah dari sudut pertahanan Negara akan menjadil ebih kuat. Kemasukkan wilayah baru kedalam Malaysia membolehkan jumlah penduduk meningkat.</p> <p>F9 Peningkatan jumlah penduduk membolehkan lebih ramai anggota keselamatan boleh diambil bagi memperkukuhkan sistem pertahanan negara.</p> <p>F10 – Sebagai buktinya semasa berlakunya konfrantasi di antara Malaysia dan Indonesia, rakyat Sarawak dan Sabah turut bersama mempertahankan Negara daripada sarangan tentera Indonesia terutama di sempadan Malaysia dan Kalimantan.</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p>

SKEMA JAWAPAN KERTAS 3 NEGERI MELAKA 2019

Soalan	Butiran	Markah
	F11 – Suara Malaysia juga semakin didengari di peringkat antarabangsa.	1
	F12 - Pemimpin Malaysia sejak Tunku Abdul Rahman sehingga kini sering menjadi perhatian dunia. Usaha Tunku Abdul Rahman telah Berjaya menubuhkan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), ASEAN dan lain-lain lagi.	1 1 1 1
	F13 - Tun Dr. Mahathir Muhamad suaranya sering mendapat perhatian dan liputan meluas seperti di PBB, Negara-Negara Selatan dan lain-lain terutama berkaitan dengan negara-negara sedang membangun.	1 1 1
	F14 - Nama Malaysia semakin memuncak apabila isu-isu penting dunia diketengahkan seperti isu Dasar apartheid, Palastine, krisis di Vietnam dan lain-lain lagi.	1 1 1 1
	Ekonomi.	1 1
	F15 – Pembentukan Malaysia membolehkan wujudnya satu pasaran yang lebih luas kerana pertambahan wilayah. Pergabungan wilayah Semenanjung, Singapura, Sarawak dan Sabah menjadikan Malaysia lebih luas dan penduduk yang ramai.	1 1 1
	F16 – Satu perkara lagi, pembentukan Malaysia membolehkan industry pertanian dimajukan dan diperluaskan lagi.	1 1 1
	F17 - Wilayah yang luas dan tanah yang subur ditambah dengan cuaca yang sesuai membolehkan pelbagai tanaman ditanam selain getah dan kelapa sawit. Para pelabur juga dapat dibawa masuk untuk melabur dalam sector ini dan juga sektor lain. Ini membolehkan pendapatan Negara dapat ditambah demi kemajuan negara.	1 1 1 1
	F18– hasil semulajadi dan bahan mentah wilayah dalam Malaysia dapat dimanfaatkan bersama. Semenanjung kaya dengan bijih timah, getah dan kelapa sawit, Sarawak dan Sabah kaya dengan hasil hutan dan petroleum.	1 1
	F19 – Kekayaan ini dapat dibangunkan dan dimajukan untuk manfaat bersama. Peluang pekerjaan juga dapat diperbanyakkan lagi untuk member peluang kepada rakyat Malaysia menambah pendapatan.	1 1
	Sosial	1
	F20 – Pembentukan Malaysia dapat menyeimbangkan komposisi penduduk pelbagai kaum dan etnik. Kemasukkan wilayah Sarawak dan Sabah dapat meimbangi penduduk bumiputera dan peribumi di negaraini.	1 1 1

SKEMA JAWAPAN KERTAS 3 NEGERI MELAKA 2019

Soalan	Butiran	Markah
	<p>F21 – pembentukan Malaysia dapat mempercepatkan kemajuan negeri-negeri di Malaysia. Negeri seperti Sarawak, Sabah, Terengganu dan Kelantan dapat dimajukan dengan sumbangan kerajaan pusat.</p> <p>Mana-manajawapanmunasabah</p> <p style="text-align: right;">Max 10 markah</p>	<p>1</p> <p>1</p>
6	<p>Cabaran masa kini dan Langkah-langkah bagi pembentukan negara Malaysia yang mencapai status negara maju dan berprestasi tinggi.</p> <p>Cabaran masa kini.</p> <p>F1 Masalah Sosial di kalangan belia dalam negara.</p> <p>H1 Golongan belia sebagai pelapis kepimpinan negara pada masa akan datang dilihat agak rapuh dalam pembentukan jati diri dan adab budaya kehidupan seharian.</p> <p>H1a Penglibatan para belia yang agak serius dalam gejala sosial dilihat mampu menjadi ancaman dalam usaha membina sebuah negara Malaysia yang maju dalam segenap aspek kehidupan</p> <p>F2 Masalah Perpaduan antara kaum lantaran pembentukan Malaysia adalah berasaskan kepada kemajmukan pelbagai kaum yang terdapat di dalamnya.</p> <p>H2 Kepelbagaian kaum mencerminkan kepelbagaian kehendak dan tuntutan yang berbeza mengikut kepentingan masing-masing.</p> <p>H2a Kepelbagaian kaum ini sedikit sebanyak melewati usaha untuk membentuk sebuah negara Malaysia yang mampu mencapai status negara maju dalam tempoh masa terdekat ini.</p> <p>F3 Masalah ekonomi lantaran Malaysia yang mengamalkan Dasar Pintu Terbuka dalam pembangunan ekonominya.</p> <p>H3 Ekonomi Malaysia terdedah dengan sebarang bentuk ancaman dan perubahan iklim ekonomi negara luar.</p> <p>H3a Kebergantungan terhadap perkembangan ekonomi dari luar membuatkan Malaysia terikat dengan pelbagai sekatan dan dasar-dasar ekonomi negara luar khususnya dari negara maju.</p> <p>F4 Tahap Pendidikan di Malaysia yang mana masih belum mencapai status menuju negara maju dan pendapatan berprestasi tinggi.</p> <p>H4 Pencapaian dalam bidang pendidikan khususnya yang mencapai status</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p>

SKEMA JAWAPAN KERTAS 3 NEGERI MELAKA 2019

Soalan	Butiran	Markah
	pendidikan tinggi masih belum mampu memenuhi pasaran kerja yang kini mengutamakan nilai kebolehpasaran siswazah.	1
	H4a Bidang pekerjaan kini yang berfokus kepada ekonomi berasaskan pengetahuan (k-ekonomi) dan bidang ICT sudah pasti menuntut kepada perlunya para siswazah yang mempunyai kemahiran dan ilmu yang tinggi dalam banyak bidang pekerjaan kini.	1 1 1 1
	F5 Ancaman kemajuan bidang Teknologi dan Maklumat yang memberi kesan buruk terhadap sebarang penyalahgunaannya.	1
	H5 Manfaat dari bidang ICT ini turut memberi kesan besar juga terhadap sebarang ancaman digital yang boleh berlaku.	1 1 1
	C5 Pencerobohan data peribadi dan sistem organisasi, pencabulan terhadap privasi pelayar laman web mahupun eksploitasi ke atas sebarang maklumat dalam sistem sokongan sesebuah organisasi mahupun negara.	1 1
	Langkah-langkah menangani cabaran	1
	F1 Meningkatkan modal insan melalui penyemaian nilai-nilai murni kehidupan seharian.	1
	F1a Boleh dipupuk melalui pendidikan, amalan baik di rumah dan sekolah, kempen dan pencegahan awal.	1
	F1b Usaha ini mampu menyekat dan menangani salah laku golongan belia yang mana sering terlibat dengan masalah sosial yang menjadi beban dan penghalang terhadap sebarang bentuk usaha memajukan negara.	1 1
	F2 Meningkatkan usaha mengintegrasikan kaum-kaum di Malaysia mampu direalisasikan melalui usaha berterusan dan kolektif.	1
	H2 Salah faham dan konotasi negatif terhadap kaum lain boleh ditangani melalui usaha mewujudkan aktiviti bersifat kebersamaan seperti gotong-royong, rumah terbuka dan silang budaya.	1 1 1 1
	H2a Integrasi yang sebegini mampu mempercepatkan usaha menyatupadukan rakyat seterusnya mampu mempercepat usaha pembentukan negara Malaysia yang maju dan mapan.	1
	F3 Menggalakan lebih banyak usaha sama dan perkongsian pintar dalam bidang pembangunan ekonomi baik di peringkat serantau mahupun antarabangsa.	1 1
	H3 Kerjasama yang lebih erat dalam kalangan negara serantau misalnya melalui perkongsian kemahiran mampu menjadikan Malaysia sebaris	1

SKEMA JAWAPAN KERTAS 3 NEGERI MELAKA 2019

Soalan	Butiran	Markah
	dengan blok ekonomi negara maju yang lain.	1
	H3a Selain itu juga usaha bagi mengubah minda dan tindakan daripada sebuah negara pengguna kepada negara pencipta mampu menjana hasil untuk membentuk Malaysia sebagai sebuah negara maju dalam acuannya yang tersendiri.	1
	F4 Meningkatkan pencapaian rakyat dalam bidang pendidikan melalui pelbagai inisentif yang boleh diberi.	1
	H4 Kerajaan khususnya perlu perlu cakna dalam melahirkan lebih ramai graduan dalam negara yang mempunyai kelayakan akademik dalam pelbagai bidang kemahiran dan pasaran kerja kini.	1
	H4a Usaha memartabatkan bidang pendidikan dalam kalangan rakyat ini juga perlu melibatkan usaha bagi pengamalan Pendidikan Sepanjang Hayat melalui Pusat Pendidikan Jarak Jauh dan mengutamakan kebolehpasaran siswazah dalam bidang pasaran kerja berteknologi tinggi.	1
	H4b Ini mampu menjadi penanda aras dalam usaha mencapai status negara maju sebaris negara-negara luar lain.	1
	F5 Meningkatkan keselamatan dan kawalan terhadap sistem ICT dalam negara melalui penggunaan pelbagai dasar sekatan maklumat dan perisian yang lebih moden dan terkini.	1
	H5 Kelonggaran dalam kawalan ICT dalam negara menyebabkan kerugian yang berlipat ganda lantaran manipulasi yang boleh berlaku terhadap sistem maklumat dalam sesebuah <i>database</i> dan kerahsiaan yang hanya tinggal pada nama.	1
	H5a Malaysia perlu memastikan sebarang bentuk anasir negatif melalui bidang ICT dalam negara ini dapat ditangani sebaiknya dan meningkatkan keselamatan data dalam sesebuah organisasi apatah lagi negara.	1
	H5b Pencerobohan atau kebocoran terhadap sebarang bentuk maklumat seperti ini boleh menjadi ancaman terbesar dalam usaha membentuk negara Malaysia yang lebih kompeten dan berdaya maju.	1
	Max 10 markah	
7	F1 Kejayaan bidang ekonomi	1
	H1a menurunkan kadar kemiskinan	1
	C1a 42.4% pada tahun 1976 kepada 5.1% pada tahun 2010	1
	H1b menarik lebih banyak pelabur luar	1
	H1c dari negara China dan Eropah	1

SKEMA JAWAPAN KERTAS 3 NEGERI MELAKA 2019

Soalan	Butiran	Markah
	H1d dalam bidang perindustrian dan hartanah	1
	H1e untuk memajukan sektor ekonomi negara	1
		1
	F2 Pembinaan bangunan-bangunan istimewa	1
	H2a Menara Kuala Lumpur / Menara Berkembar Patronas	1
	H2b dibina menggunakan teknologi moden	1
	H2c menunjukkan kekukuhan ekonomi	1
	H2d diiktiraf antara bangunan tertinggi di dunia	1
		1
	F3 Mampu menghasilkan barangan yang berkualiti	1
	H3a kereta Proton dan Perodua	1
	H3b mampu bersaing dengan pengeluar kereta berjenama terkenal	1
	H3c dapat menaikkan nama negara ke serata dunia	1
		1
	F4 Penyediaan pelbagai kemudahan awam kepada rakyat	1
	H4a seperti MRT, ETS, lebuhraya / dll	1
	H4b kemudahan yang berkelas dunia memberi keselesaan kepada rakyat	1
	H4c mendapat pujian dan menjadi contoh kepada negara lain	1
		1
	F5 Perkembangan bidang pendidikan	1
	H5a pengwujudan Kurikulum Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan	1
	H5b memperkasakan sekolah kebangsaan supaya dapat melahirkan murid	1
	yang berkualiti	1
	H5c Universiti-universiti tempatan mendapat kedudukan yang baik antara universiti dunia	1
	H5d Universiti Malaya menduduki tangga ke 70 dunia / UPM (159) / UKM ((160)	1
		1
	H5e Malaysia tidak ketandusan pusat-pusat pengajian tinggi sehingga ramai pelajar negara lain belajar di sini	1
		1
		1
	F6 Kejayaan dalam bidang sukan	1
	H6a atlet-atlet negara mengharumkan nama negara di persada antarabangsa	1

SKEMA JAWAPAN KERTAS 3 NEGERI MELAKA 2019

Soalan	Butiran	Markah
	<p>H6b Datuk Lee Chong Wei, Datuk Nicole David</p> <p>H6c Atlet paralimpik turut berperanan dalam mengharumkan nama negara</p> <p>H6c Muhammad Ziyad Zolkefli / Abdul Latif Romly / Muhammad Ridzuan Puzi</p> <p>H6d hasil kerja keras mereka, jurulatih dan kepimpinan sukan</p> <p>F7 Mempunyai banyak tempat bersejarah</p> <p>H7a mengekalkan keaslian dan berusaha membaiki tempat bersejarah</p> <p>H7b menarik perhatian ahli sejarah luar negara</p> <p>H7c seperti Lembah Bujang</p> <p>H7d mendapat pengiktirafan 'warisan dunia' oleh UNISCO</p> <p>H7e seperti bandar Melaka dan Georgetown</p> <p>H7f menjadi kebanggaan penduduk Malaysia</p>	
8	<p>F1 Kerjasama antara pemimpin dengan pemimpin dan pemimpin dengan rakyat</p> <p>H1a dapat membentuk kesepakatan dalam melakukan sesuatu perkara</p> <p>H1b keputusan dapat dibuat sebulat suara supaya tiada perbalahan</p> <p>H1c perancangan negara dapat dilaksanakan tanpa gangguan</p> <p>F2 Berfikiran positif / matang</p> <p>H2a tidak terlalu ikut emosi dan ideologi</p> <p>H2b meletakkan kepentingan negara melebihi kepentingan peribadi / organisasi</p> <p>H3c perlu menyokong kebaikan daripada tindakan yang dilaksanakan</p> <p>H3d demi kepentingan rakyat dan negara</p> <p>F3 Mengukuhkan perpaduan kaum</p> <p>H3a setiap kaum perlu hidup aman dan harmoni</p> <p>H3b elakkan persengketaan dan pergaduhan</p> <p>H3c perbalahan hanya akan membawa keburukan kepada negara</p> <p>H3d seperti tragedi 13 Mei 1969</p> <p>F4 Berbangga dengan pencapaian / kejayaan negara</p> <p>H4a pencapaian / kejayaan negara perlu diraikan bersama tanpa mengira</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p>

SKEMA JAWAPAN KERTAS 3 NEGERI MELAKA 2019

Soalan	Butiran	Markah
	<p>kaum dan ideologi politik</p> <p>H4b elakkan merendah-rendahkan pencapaian tersebut kerana boleh menimbulkan kesangsian negara luar</p> <p>H4c pelabur-pelabur luar akan tertarik jika negara berada dilandasan yang betul untuk menuju negara maju</p> <p>H4d kegiatan sabotaj hanya akan merugikan negara dan membawa kepada kejatuhan</p> <p>H4e seperti kejatuhan Melaka kepada Portugis</p> <p style="text-align: right;">Max 10 markah</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p>
9	<p>Rumusan daripada peristiwa pembentukan Malaysia</p> <p>F1 Faktor pembentukan Malaysia ialah bagi menangani masalah keselamatan, usaha mendapatkan kemerdekaan, mengadakan kerjasama ekonomi serta mengimbangkan penduduk Malaysia</p> <p>F2 Singapura ingin bergabung dengan Malaysia kerana bimbang pengaruh golongan sosialis dan ancaman komunis</p> <p>F3 Pembentukan Malaysia akan mempercepatkan kemerdekaan Sarawak, Sabah, Brunei dan Singapura</p> <p>F4 Kebijaksanaan pemimpin dahulu telah berjaya mengatasi pelbagai cabaran dalam merealisasikan pembentukan Malaysia</p> <p>F5 Perpaduan kaum perlu ditingkatkan bagi mengekalkan kedaulatan negara seterusnya memastikan kemakmuran negara</p> <p>F6 Generasi muda mesti terus menjaga keharmonian antara kaum agar keamanan negara dapat dikekalkan seterusnya tidak merencatkan hasrat untuk menjadi negara maju</p> <p>F7 Pemimpin hari ini dapat mentadbir negara dengan bijak demi memastikan generasi akan datang tidak dibebankan dengan pelbagai masalah</p> <p>(Terima mana-mana jawapan munasabah)</p> <p style="text-align: right;">Max 5 markah</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p>